



JABATAN PERDANA MENTERI
UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN
(ICU JPM)

KENYATAAN MEDIA

ICU JPM PASTIKAN BANTUAN DAN PERKHIDMATAN KEPADA RAKYAT DITERUSKAN

Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) mengambil maklum mengenai isu yang dibangkitkan beberapa Ahli Parlimen baru-baru ini terkait capaian peruntukan di bawah sistem MyKHAS.

Sehubungan itu, ICU JPM ingin menegaskan bahawa segala bentuk peruntukan kepada rakyat akan tetap disalur dan dikendalikan secara langsung demi memastikan keperluan dan kebajikan mereka dapat diteruskan tanpa sebarang masalah.

ICU JPM juga akan menjalankan peranan sebagai agensi penyelaras dengan penuh tertib bagi memastikan pelaksanaan program dan inisiatif kerajaan berjalan lancar, tersusun serta memberi manfaat kepada masyarakat.

UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN
JABATAN PERDANA MENTERI (ICU JPM)
4 JUN 2026